

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4

Kredit e-tunai RM100 didik rakyat ekonomi digital

Kredit e-tunai RM100 didik rakyat ekonomi digital

Shah Alam: Pemberian kredit e-tunai RM100 kepada lebih 10 juta rakyat berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah, adalah sebahagian usaha kerajaan untuk mendidik masyarakat berdepan dengan ekonomi digital dan tanpa tunai pada masa depan.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata kira-kira 30 peratus daripada jumlah penerima e-tunai itu kemungkinan akan berdepan ke-

sukaran menerima bantuan berkenaan kerana tidak mempunyai akses kepada sistem terbabit.

"Jadi kita minta supaya para pemimpin setempat berusaha untuk membantu semua golongan mendapatkan e-tunai itu, sebagai contoh ketua kampung dan penghulu, untuk mengajar rakyat yang tidak begitu celik dengan teknologi, kerana ini satu proses (pembelajaran)," katanya kepada media selepas majlis menanda-

tangani perjanjian kerjasama antara Erbe, CTOS dan CelcomDigi, di sini, semalam.

Tingkat ekonomi setempat

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, pada Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat semalam, mengumumkan kerajaan bersejua menawarkan kredit e-tunai RM100 kepada semua rakyat dewasa Malaysia yang berpenda-

patan RM100,000 setahun dan ke bawah.

Anwar berkata bilangan penerima yang layak dianggarkan melebihi 10 juta iaitu merangkumi golongan B40 dan M40 dengan dana sekitar RMI bilion.

Ahmad berkata, inisiatif pemberian kredit e-tunai berkenaan diharapkan dapat membantu meningkatkan aktiviti ekonomi setempat selain bertujuan untuk mendidik rakyat mengenai eko-

nomi digitalisasi dan memupuk budaya masyarakat tanpa tunai.

Masa sama, katanya, Kementerian Kewangan sudah bersedia melaksana segera pemberian e-tunai itu dan bantuan khas penghargaan RM300 kepada penjawat awam gred 56 dan ke bawah serta bantuan RM200 kepada pesara kerajaan seperti yang diumumkan Perdana Menteri semalam. BERNAMA